

# LAPORAN TAHUNAN

## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

# 2021



# LAPORAN TAHUNAN 2021

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

© Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan. Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara, baik elektronik, fotokopi, mekanik, mahupun lain-lain, mana-mana bahagian, ilustrasi atau kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan,
Bangunan Perak Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000, Ipoh, Perak

05-2095000 (Talian Umum)

# SIDANG REDAKSI

**Penaung**
YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
Setiausaha Kerajaan Kerajaan Negeri Perak

**Penasihat**
YBrs. Puan Nor Sham binti Rahman
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

**Ketua Penyunting**
Anita binti Amri
Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
Bahagian Korporat

**Urus Setia Penerbitan**
Roslan bin Jamaluddin
Azmi bin Mohamed Asmayatim

**Fotografi**
Nor Azman bin Zambahari
Muhammad Faiz Izuddin bin Zulkarnain

**Penerbitan**
Bahagian Korporat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

**Penyunting**
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat

Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan

Setiausaha Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan

Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan

Ketua Audit Dalam

Pengarah Majlis Sukan Negeri

Ketua Unit Integriti

# PERUTUSAN YB SUK




Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya jua, Laporan Tahunan bagi tahun 2021 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak ini dapat disiapkan. Seperti mana tahun-tahun yang lalu, buku laporan ini menyediakan maklumat pelaksanaan aktiviti serta pencapaian yang diperoleh bagi tahun 2021 oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Kerajaan Negeri Perak sentiasa memastikan pentadbiran ini sentiasa utuh walaupun dalam situasi COVID-19 yang melanda ini. Penjawat awam perlu mengadaptasi budaya norma baharu dengan penuh integriti yang seiring dengan situasi semasa. Ia merupakan cabaran baharu dan penjawat awam harus bertindak bijak menerokai idea bagi menghadapi persekitaran kerja yang kompleks dan sentiasa berubah. Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak sentiasa fokus terhadap pembangunan tenaga kerja sebagai satu landasan ke arah budaya penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang.

In shaa Allah, dengan menerapkan nilai-nilai ini dalam perkhidmatan, kita mampu menzahirkan impian mencapai lebih banyak kejayaan demi mengembalikan kegemilangan Negeri Perak.

Semoga Allah SWT merahmati usaha ini dan ditetapkan hati kita semua untuk terus bersatu dalam melaksanakan amanah kepada rakyat.

**YB DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM**
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

# MAKLUMAT KORPORAT

## VISI

Peneraju Transformasi Sistem Penyampaian Perkhidmatan awam Negeri Perak Menjelang 2025

## MISI

Memacu Transformasi Pengurusan dan Pembangunan Negeri Perak melalui Tadbir Urus yang Cekap, Inovatif, Kreatif, dan Berintegriti demi Kesejahteraan Rakyat

## NILAI BERSAMA

**P**rofesionalisme
**E**mpati
**R**elavan
**A**kauntabiliti
**K**reatif

## DASAR KUALITI PEJABAT SUK PERAK

Pentadbiran SUK Perak komited memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi untuk kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat Negeri Perak melalui sistem penyampaian yang efisien dan berkesan secara berterusan demi mencapai kepuasan pelanggan

# CARTA ORGANISASI

**YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**
PTD VU 5 (JUSA A)

**TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN)**
PTD VU 7 (JUSA C)

- **BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN** — SETIAUSAHA BAHAGIAN (KERAJAAN TEMPATAN) — PTD GRED M52
  - Pembangunan
  - Perkhidmatan
  - Pentadbiran
  - Kewangan
- **UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI** — TIMBALAN PENGARAH — PTD GRED M54
  - Pelancongan
  - Industri
  - Pertanian
  - Data
  - Sosial & Infrastruktur

**Di bawah YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak:**

- **BAHAGIAN AUDIT DALAM** — KETUA UNIT AUDIT DALAM — GRED WA48
  - Unit Audit
- **BAHAGIAN KORPORAT** — KETUA PENOLONG SETIAUSAHA (PRO) — PTD GRED M48
  - Unit Penerbitan, Hbgn Media & Publisiti
  - Unit Penyelidikan, Pengurusan Dasar & Sistem Penyampaian Perkhidmatan
  - Unit Khd. Pelanggan & Aduan Awam
  - Unit Pentadbiran

**TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PENGURUSAN)**
PTD VU 7 (JUSA C)

- **BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT** — SETIAUSAHA BAHAGIAN (BPM) PEG.TEK. MAKLUMAT — GRED F54
  - Unit Penerbitan
  - Operasi
  - Penyelidikan & Pembangunan
  - Sokongan Pengguna
  - Penyelenggaraan Sistem
- **BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA** — SETIAUSAHA BAHAGIAN (PENGURUSAN SUMBER MANUSIA) — PTD GRED M54
  - Pengurusan Prestasi & Kaunseling
  - Kewangan
  - Sumber Maklumat
  - Khidmat
  - Perjawatan
  - Pencen
  - Latihan & Kompetensi
  - Persuratan & Fail
  - Pengurusan Data
  - Inovasi
  - KIK
  - MS ISO
- **BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN** — SETIAUSAHA BAHAGIAN (KHIDMAT PENGURUSAN) — PTD GRED M52
  - Biasiswa
  - Pentadbiran
  - Kewangan
  - Kenderaan & Penyelenggaraan
  - Sulit
  - Muzium Negeri Perak
  - Protokol
- **DEWAN UNDANGAN NEGERI** — SETIAUSAHA BAHAGIAN (DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN) — PTD GRED M52
  - Am
  - Kewangan
  - Majlis Mesyuarat Kerajaan
  - Dewan Negeri
- **PEJABAT MENTERI BESAR** — SETIAUSAHA SULIT KANAN KEPADA YAB MENTERI BESAR — PTD GRED M44/M48/M52
  - Am
- **MAJLIS SUKAN NEGERI** — PENGARAH (MAJLIS SUKAN NEGERI) — GRED 52 (T)
  - Pembangunan dan Latihan
  - Pentadbiran & Kewangan
  - SUKMA / SUPER
  - MAKSAK

# LAPORAN TAHUNAN 2021

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK





# LAPORAN TAHUNAN 2021

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

## UNIT PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI NEGERI PERAK

Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak bertujuan untuk memberi kemudahan pinjaman pelajaran tanpa faedah kepada Anak-Anak Negeri Perak yang berkelayakan untuk melanjutkan pengajian ke institusi-institusi pengajian tinggi yang ditaja di bawah pinjaman ini bagi peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD).

## PERUNTUKAN OLEH KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN 2021

Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM4,000,000.00 bagi tahun 2021 untuk tujuan penajaan pinjaman pengajian tinggi kepada pelajar-pelajar baharu dan pelajar-pelajar lama. Memandangkan ketiga-tiga akaun amanah masih mempunyai baki yang mencukupi bagi tujuan pembiayaan pinjaman pelajar bagi tahun semasa dan terdahulu, tiada peruntukan tambahan disalurkan pada tahun semasa.



**PENAWARAN PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI NEGERI PERAK SESI 2021/2022 MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN**

Permohonan Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak adalah secara dalam talian (*online*) melalui pautan **http://spptp.perak.gov.my.** Bagi sesi 2021/2022, permohonan telah dibuka bermula 14 Mac 2021 hingga 30 April 2021. Pelaksanaan temu duga Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak telah dibatalkan ekoran penularan wabak pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, Unit Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak telah telah mengambil inisiatif untuk menggunakan kaedah pemarkahan dalam talian sepenuhnya sebagai salah satu alternatif lain selain daripada sesi temu duga dalam mendepani penularan wabak pandemik tersebut.

Penawaran Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak bagi sesi 2021/2022 telah diluluskan dan diberikan kepada 551 orang pelajar. Pecahan pelajar mengikut peringkat pengajian adalah seperti berikut:

| BIL. | PERINGKAT PENGAJIAN | JUMLAH PELAJAR YANG DITAJA (ORANG) | JUMLAH PEMBIAYAAAN KESELURUHAN BAGI UNTUK SETAHUN (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | Diploma | 106 | 530,000.00 |
| 2. | Ijazah Sarjana Muda (Dalam Negara) | 358 | 2,349,500.00 |
| 3. | Ijazah Sarjana Muda (Luar Negara) | 6 | 66,000.00 |
| 4. | Sarjana | 55 | 550,000.00 |
| 5. | PhD | 26 | 390,000.00 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **551** | **3,885,500.00** |

## PECAHAN JUMLAH PELAJAR MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN BAGI SESI 2021/2022




**PERBANDINGAN PRESTASI KUTIPAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI NEGERI PERAK DALAM TEMPOH TIGA TAHUN TERKINI**

Unit Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak sentiasa komited bagi meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman dari semasa ke semasa. Pada tahun 2021, Unit Pinjaman Pengajian Tinggi Perak telah mengutip sebanyak **RM5,030,307.46** bayaran balik pinjaman pelajaran daripada para peminjam. Berikut adalah perbandingan Laporan Kutipan Bayaran Balik daripada tahun 2019 hingga 2021:-

| BIL. | TAHUN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| 1. | 2019 | 4,260,473.30 |
| 2. | 2020 | 3,629,977.94 |
| **3.** | **2021** | **5,030,307.46** |




**LAPORAN TUNGGAKAN PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI NEGERI PERAK SEHINGGA 31 DISEMBER 2021**

Unit Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak memandang serius terhadap tunggakan bayaran balik pinjaman ini dan sentiasa mengandakan usaha dan komitmen bagi mengurangkan kadar tunggakan bayaran balik pinjaman dari semasa ke semasa. Sehingga 31 Disember 2021, tunggakan pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak adalah sebanyak **RM34,648,826.66**. Laporan tunggakan mengikut pengumuran *(ageing)* adalah seperti berikut:

| STATUS TUNGGAKAN PINJAMAN | JUMLAH TUNGGAKAN (RM) |
|---|---|
| Hingga satu (1) tahun | 17,005,827.08 |
| Lebih dari satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun | 5,204,338.30 |
| Lebih dari tiga (3) tahun hingga enam (6) tahun | 2,828,038.92 |
| Lebih dari enam (6) tahun hingga sepuluh (10) tahun | 2,145,631.85 |
| Lebih sepuluh (10) tahun | 7,464,990.51 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **34,648,826.66** |

**DASAR PINJAMAN BOLEH UBAH BAGI PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI KERAJAAN NEGERI PERAK**

Dasar pinjaman boleh ubah atau biasiswa telah diperkenalkan sebagai anugerah dan pengiktirafan kepada para pelajar yang berjaya memperolehi keputusan yang cemerlang di atas usaha gigih mereka. Mesyuarat Lembaga Kumpulan Biasiswa Pengajian Tinggi Anak-Anak Perak dan Bukan Melayu Perak Darul Ridzuan Bil.1/2021 yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Perak telah meluluskan permohonan Pinjaman Boleh Ubah atau biasiswa kepada 71 orang pemohon yang berkelayakan dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Perincian adalah seperti berikut:

| BIL. | Purat Nilai Gred Kumulatif (CGPA) | Pinjaman Boleh Ubah / Biasiswa |
|---|---|---|
| 1. | **3.50 hingga 3.69**<br>(50% daripada jumlah keseluruhan pinjaman) | 30 orang |
| 2. | **3.70 hingga 4.00**<br>(100% daripada jumlah keseluruhan pinjaman) | 41 orang |

**UNIT KEWANGAN**

Unit Kewangan bertanggungjawab mengurus, mengawal dan memantau Peruntukan Belanja Mengurus di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mengikut prosedur dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa.

**Perbelanjaan Mengurus**

**Peruntukan Kemaskini Belanja Mengurus** di bawah Vot B04 dan Vot B01 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri adalah RM70,411,074.49. Dari jumlah tersebut, sebanyak **RM70,157,926.48** atau **99.64%** telah dibelanjakan sehingga 31 Disember 2021. Peruntukan dan Prestasi perbelanjaan mengikut bahagian-bahagian di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri ditunjukkan dalam jadual berikut:-

| Bil. | Bahagian/ Unit | Peruntukan Kemaskini (RM) | Perbelanjaan (RM) | Prestasi Perbelanjaan (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bhg. Khidmat Pengurusan (B04) | 18,311,303.00 | 18,242,017.16 | 99.62% |
| 2. | Pejabat YAB. Menteri Besar (B04) | 4,832,938.00 | 4,819,793.30 | 99.73% |
| 3. | Bhg. Pengurusan Sumber Manusia (B04) | 9,691,357.36 | 9,691,246.94 | 99.99% |
| 4. | Bhg. Kerajaan Tempatan (B04) | 1,622,500.00 | 1,613,587.42 | 99.45% |

| Bil. | Bahagian/ Unit | Peruntukan Kemaskini (RM) | Perbelanjaan (RM) | Prestasi Perbelanjaan (%) |
|---|---|---|---|---|
| 5. | Unit Perancang Ekonomi Negeri (B04) | 2,320,031.15 | 2,315,890.53 | 99.82% |
| 6. | Bhg. Pengurusan Maklumat (B04) | 2,604,950.00 | 2,544,760.74 | 97.69% |
| 7. | Unit Audit Dalam (B04) | 647,790.20 | 647,717.63 | 99.99% |
| 8. | Bhg. Korporat (B04) | 1,632,825.85 | 1,619,948.19 | 99.21% |
| 9. | Bhg. Dewan Negeri & MMK (B01) | 20,229,763.93 | 20,152,808.03 | 99.62% |
| 10. | Majlis Sukan Negeri (B04) | 8,517,615.00 | 8,510,156.54 | 99.91% |
| **JUMLAH** | | **70,411,074.497** | **70,157,926.48** | **99.64%** |

Perbelanjaan Mengurus Vot B04 dan B01

*Catatan : Data diambil dalam sistem iSPEKS pada 31/12/2021.*

**UNIT KESELAMATAN**

**Keselamatan Fizikal**

Anggota Keselamatan bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas kawalan keselamatan dan rondaan di Bangunan Perak Darul Ridzuan, Bangunan Seri Perak, Kediaman YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Laman Sri Ridzuan dan Institut Latihan Pegawai Awam Perak (ILPA).

**a) Pengawal Keselamatan**

Unit ini terdiri daripada 18 orang Pengawal Keselamatan Gred KP11 yang diketuai oleh seorang Ketua Pengawal Keselamatan Gred KP14

**b) Polis Bantuan**

Unit ini terdiri daripada 23 orang Polis Bantuan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas-tugas seperti berikut:

**Tugas-tugas**

- Menjaga dan mengawal keselamatan Bangunan Perak Darul Ridzuan beserta warganya.
- Mengawal keselamatan di semua Majlis/ Program di Bangunan Perak Darul Ridzuan
- Melaksanakan lain-lain tugas bersesuaian yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**1.1 Keselamatan Perlindungan**

Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (IAKKP) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah diadakan pada 8 hingga 10 September 2021 (Rabu-Jumaat) oleh Pejabat Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Negeri Perak. Secara keseluruhannya peratus pencapaian Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan adalah 99.42% menjadikan tahap keselamatan perlindungan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak adalah CEMERLANG.


OBJEKTIF


BUKU LAPORAN TUGASAN RONDAAN KAWASAN SUK PERAK
BUKU LAPORAN TUGASAN RONDAAN BANGUNAN SUK PERAK
NO SIRI : 1 TAHUN 2021








OBJEKTIF










RAHSIA
RAHSIA












**UNIT KERAIAN**

Unit Keraian merupakan sebuah unit yang berperanan untuk menyelaras, mengadakan & membantu persiapan majlis-majlis yang diadakan di Negeri Perak sama ada majlis yang telah dirancang tahunan atau majlis luar jangka. Unit Keraian juga menyelaras persiapan lawatan/ kunjungan rasmi pembesar negara, orang-orang kenamaan dan kerabat DiRaja ke Negeri Perak.

**BIDANG TUGAS**

1.1 Mengurus setiakan mesyuarat majlis-majlis yang diadakan.

1.2 Mengeluarkan, mendapatkan senarai kehadiran penuh jemputan, dan membuat edaran kad dan surat jemputan yang berkaitan majlis kepada ketua-ketua jabatan, orang kenamaan Negeri dan orang perseorangan.

1.3 Bertugas di majlis-majlis rasmi Kerajaan Negeri Perak & Majlis-majlis yang dianjurkan oleh jabatan persekutuan di Negeri Perak Darul Ridzuan.

1.4 Memastikan majlis berjalan dengan lancar tanpa ada sebarang kesulitan yang boleh mencemarkan nama baik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

1.5 Memastikan semua bayaran kepada pembekal dan jabatan yang bertugas diselesaikan mengikut tatacara kewangan dan kadar yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Kewangan Negeri Perak.

**PROGRAM RASMI SEPANJANG TAHUN 2021**

| BIL | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 1 | KUNJUNG HORMAT YB DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN AMAN RAZALI, MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMUNITI MALAYSIA | 18/1/2021 | PEJABAT MENTERI BESAR PERAK |
| 2 | EXECUTIVE TALK YAB MENTERI BESAR PERAK | 14/2/2021 | DEWAN BANKUET |
| 3 | MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA | TIDAK DILAKSANAKAN | |
| 4 | KEBERANGKATAN TIBA DYMM SULTAN PERAK KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN | 23/2/2021 | STADIUM INDERA MULIA |
| 5 | KUNJUNG HORMAT YBHG. DATUK TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA | 9/3/2021 | PEJABAT MENTERI BESAR PERAK |
| 6 | LAWATAN KERJA TKSU MINDEF KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK | 12/3/2021 | PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK |
| 7 | KUNJUNG HORMAT YB MENTERI MOSTI KE PEJABAT MENTERI BESAR PERAK | 16/3/2021 | PEJABAT MENTERI BESAR PERAK |
| 8 | PROGRAM MALAYSIA PRIHATIN KEMENTERIAN DALAM NEGERI | 19/3/2021 | DEWAN BANKUET |
| 9 | KUNJUNG HORMAT YB MENTERI ALAM SEKITAR | 22/3/2021 | PEJABAT MENTERI BESAR PERAK |
| 10 | MAJLIS PERLANCARAN PELAN PEMBANGUNAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN | 29/3/2021 | DEWAN BANKUET |
| 11 | KETIBAAN PRESIDEN, SETIAUSAHA AGUNG, SETIAUSAHA KEWANGAN DAN AHLI-AHLI MAJLIS TERTINGGI CUEPACS | 20/4/2021 | BILIK GERAKAN NEGERI |
| 12 | PEMBUNGKUSAN JUADAH BERBUKA DAN PENYERAHAN | 4/5/2021 | DEWAN SERBAGUNA |
| 13 | PEMBUNGKUSAN JUADAH HARI RAYA KEPADA BADAN BERUNIFORM | 6/5/2021 | DEWAN BANKUET |
| 14 | MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI | TIDAK DILAKSANAKAN | |
| 15 | MAJLIS PERLANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI PERAK | 11/8/2021 | SECARA MAYA |

## UNIT PENGURUSAN MAJLIS DAN PROTOKOL

Unit ini bertujuan memastikan pengurusan protokol majlis rasmi kerajaan negeri yang berlangsung di Negeri Perak dapat dilaksanakan mengikut tatacara dan etika dengan cekap dan teratur.

Unit ini bertanggungjawab dalam perkara berikut;

- Majlis Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan setiap tahun.
- Menyelaras pengurusan protokol bagi 15 Majlis Rasmi Kerajaan Negeri serta memberi khidmat nasihat bagi majlis-majlis lain mengikut arahan dari semasa ke semasa.

### A. MAJLIS ISTIADAT PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN

| BIL | ISTIADAT/MAJLIS | TEMPAT | TARIKH | MASA |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Istiadat Meletak Kerja | Istana Iskandariah Kuala Kangsar | 1.10.2021 (Jumaat) | 10.30 pagi |
| 2 | Majlis Kesyukuran | Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Ipoh) | 5.11.2020 (Jumaat) | 12.00 tengahari |
| 3 | Istiadat Menghadap Sembah Taat Setia | Istana Iskandariah Kuala Kangsar | 14.11.2020 (Ahad) | 11.10 pagi |
| 4 | Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran | Istana Iskandariah Kuala Kangsar | | 12.00 tengahari |
| 5 | Majlis Santapan Tengahari | Istana Iskandariah Kuala Kangsar | | 12.30 tengahari |
| 6 | Istiadat-istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran (Kedua) | Istana Iskandariah Kuala Kangsar | Ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak | 9.15 pagi |
| 7 | Istiadat Menutup Kerja | Istana Iskandariah Kuala Kangsar | | 12.30 tengahari |

### B. MENYELARAS PENGURUSAN PROTOKOL BAGI 15 MAJLIS RASMI KERAJAAN NEGERI

| BIL | MAJLIS | TEMPAT | TARIKH | STATUS |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Executive Talk | Dewan Bankuet Bangunan Perak Darul Ridzuan | 1.2.2021 | Selesai |
| 2 | Sambutan Tahun Baru Cina | - | - | Tidak diadakan |
| 3 | Istiadat Pembukaan Sidang DUN | Dataran Bangunan Perak Darul Ridzuan | 25.8.2021 | Selesai |
| 4 | Sambutan Hari Raya Aidilfitri | Istana Iskandariah Kuala Kangsar | 13.5.2021 | Selesai |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | *(Solat Sunat Hari Raya)* | |
| 5 | Jamuan Hari Raya Peringkat Negeri Perak | - | - | Tidak diadakan |
| 6 | Sambutan Hari Raya Aidiladha | Masjid Ubudiah Kuala Kangsar | 20.7.2021 *(Solat Sunat Aidiladha)* | Selesai |
| 7 | Sambutan Hari Pahlawan | - | - | Tidak diadakan |
| 8 | Sambutan Hari Kebangsaan | Masjid Sultan Idris Shah II | 27.8.2021 *(Tahlil dan Doa Selamat)* | Selesai |
| 9 | Sambutan Maal Hijrah | Masjid Sultan Azlan Shah | 9.8.2021 | Selesai |
| 10 | Sambutan Hari Malaysia | - | - | Tidak diadakan |
| 11 | Kuliah Undang-undang Sultan Azlan Shah (Law Lecture) | St. Regis Kuala Lumpur | - | Tidak diadakan |
| 12 | Sambutan Maulidur Rasul | Masjid Sultan Azlan Shah | 18.10.2021 | Selesai |
| 13 | Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak | Istana Iskandariah Kuala Kangsar | 5.11.2021 | Selesai |
| 14 | Sambutan Hari Deepavali | - | - | Tidak diadakan |
| 15 | Sambutan Ambang Tahun Baru 2021 | - | - | Tidak diadakan |

**C. MAJLIS LAIN YANG DIARAHKAN UNTUK MEMBERI BANTUAN KHIDMAT PROTOKOL TERMASUK MAJLIS KEBERANGKATAN DIRAJA, KERAJAAN NEGERI, PERSEKUTUAN, SWASTA DAN LAIN-LAIN**

| BIL | MAJLIS | TEMPAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1 | Majlis Perasmian Wacana Kanser Bukan Satu Kematian | Hotel Weil, Ipoh | 21.1.2021 (Sabtu) |
| 2 | Lawatan DYTM Raja Muda Perak ke Pusat Pemindahan Sementara Banjir di Teluk Intan | Teluk Intan | 9.1.2021 (Sabtu) |
| 3 | Majlis Tauliah Anggota MAIPk | MAIPk | 12.1.2021 (Selasa) |
| 4 | Sesi Libat Urus dan Tinjauan Lapangan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pandemik Covid-19 | Hotel Casuarina Meru | 15.2.2021 (Isnin) |
| 5 | Lawatan Kerja YB Menteri di Gunung Lang | Gunung Lang, Ipoh | 22.2.2021 (Isnin) |
| 6 | Lawatan DYMM Sultan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Covid-19 | Stadium Indera Mulia | 23.2.2021 (Selasa) |
| 7 | Majlis Amanat Setahun Malaysia Prihatin | Bilik Gerakan SUK | 1.3.2021 (Isnin) |

| BIL | MAJLIS | TEMPAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 8 | Majlis Pelancaran Program Kebun Kita | Rumah Pangsa Jalan Hospital | 7.3.2021 (Ahad) |
| 9 | Program Pecah Tanah Projek Pusat Rehat dan Rawat Rider MBI | Bersebelahan Bangunan MBI | 7.3.2021 (Ahad) |
| 10 | Program Menteri Besar Bersama Rakyat (MESRA) Daerah Kerian | Kerian | 9.3.2021 (Selasa) |
| 11 | Majlis Pecah Tanah Tapak Lenggong Geopark | Lenggong | 13.3.2021 (Sabtu) |
| 12 | Majlis Pelancaran Buku Tan Sri V.C. George | Royal Selangor Club | 17.3.2021 (Rabu) |
| 13 | Majlis Penganugerahan Watikah Hakim Syariah | Kompleks Islam Darul Ridzuan | 19.3.2021 (Jumaat) |
| 14 | Majlis Penyerahan Geran Kepada Peneroka FELDA Bersia | Hulu Perak | 20.3.2021 (Sabtu) |
| 15 | Majlis Penyerahan Hakmilik Tanah Kampung Kuak Hulu dan RPB Ayer Kota | Hulu Perak | 20.3.2021 (Sabtu) |
| 16 | Sambutan Hari Air Sedunia Peringkat Negeri Perak | Casuarina Meru | 22.3.2021 (Isnin) |
| 17 | Majlis Perasmian dan Penyerahan Dataran Victoria | Kuala Kangsar | 23.3.2021 (Selasa) |
| 18 | Majlis Perasmian Bandar Pintar | Hotel Kinta Riverfront | 23.3.2021 (Selasa) |
| 19 | Program Ceria ke Sekolah TNB Bagi Sesi Persekolahan 2021 | Hotel Weil, Ipoh | 24.3.2021 (Rabu) |
| 20 | Majlis Pelancaran Kedai Bergerak Negeri Perak | Arena Square, Lawin | 25.3.2021(Khamis) |
| 21 | Program Gotong-Royong Perdana Denai Sungai Kebangsaan | Sungai Kinta | 27.3.2021 (Sabtu) |
| 22 | Majlis Tilawah Al-Quran Negeri Perak | Hotel Casuarina Meru | 27.3.2021 (Sabtu) |
| 23 | Majlis Merisik Anakanda DYAM Raja DiHilir | Sime Darby, Convention Center | 28.3.2021 (Ahad) |
| 24 | Majlis Tilawah Al-Quran Negeri Perak | Hotel Casuarina Meru | 28.3.2021 (Ahad) |
| 25 | Majlis Perasmian Roadmap Pelan Pembangunan Negeri Perak | Dewan Bankuet SUK | 29.3.2021(Isnin) |
| 26 | Program MESRA YAB MB Daerah Perak Tengah | Perak Tengah | 31.3.2021 (Rabu) |
| 27 | Majlis Graduasi SMK Bawong | Sungai Siput | 4.4.2021 (Ahad) |

| BIL | MAJLIS | TEMPAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 28 | Program MESRA YAB MB Daerah Muallim | Muallim | 6.4.2021 (Selasa) |
| 29 | Pelancaran Buku SIKHS IN MALAYSIA : A COMPREHENSIVE HISTORY | Royal Selangor Club | 10.4.2021 (Sabtu) |
| 30 | Majlis Sambutan Nuzul Quran Peringkat Negeri Perak | Masjid Sultan Idris Shah II | 28.4.2021 (Rabu) |
| 31 | Rakaman Titah DYMM Tuanku Sultan Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri | RTM Perak | 7.5.2021 (Jumaat) |
| 32 | Majlis Penyerahan Zakat MAIPk | Istana Kinta | 7.5.2021 (Jumaat) |
| 33 | Rakaman Takbir Raya YAB Menteri Besar Perak | Masjid Sultan Idris Shah II | 19.7.2021 (Isnin) |
| 34 | Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan | Dewan Bankuet Suk | 11.8.2021 (Rabu) |
| 35 | Program Kunjung Hormat Duta Indonesia ke Perak | Pejabat MB | 28.9.2021 (Selasa) |
| 36 | Program Perjumpaan YAB MB bersama DUN Belia | Laman Seri Ridzuan | 30.9.2021(Khamis) |
| 37 | Majlis Perasmian Hari Sukan Negara | Stadium Perak | 20219.10.2021(Sabtu) |
| 38 | Majlis Perasmian Buku Siri Titah Tuanku Sultan Perak | Balai Budaya, DBP | 21.10.2021 (Khamis) |
| 39 | Majlis Perasmian Hari Alam Sekitar Peringkat Negeri Perak | Dewan Permai, MD Selama | 23.10.2021 (Sabtu) |
| 40 | Majlis Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan | Dewan Merdeka Tapah | 28.10.2021 (Khamis) |
| 41 | Majlis Makan Malam Digital Perak Bersama YB EXCO dan Delegasi Negeri Kelantan | Galasa Caldwell | 28.10.2021 (Khamis) |
| 42 | Program MESRA YAB Menteri Besar di Lubuk Merbau | Kuala Kangsar | 31.10.2021 (Ahad) |
| 43 | Roadshow Pasca RMK 12 | Hotel Hilton KL | 17.11.2021 (Rabu) |
| 44 | Program di Institute Diplomacy and Foreign Relations (IDFR) | IDFR KL | 18.11.2021 (Khamis) |
| 45 | Istiadat Konvokesyen UPSI | UPSI | 20.11.2021 (Sabtu) |
| 46 | Majlis Perkahwinan Diraja Anakanda Tan Sri Azumi | Kuala Lumpur | 28.11.2021 (Ahad) |
| 47 | Sambutan 100 tahun UPSI | UPSI | 29.11.2021 (Isnin) |

| BIL | MAJLIS | TEMPAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 48 | Pembukaan Sidang DUN Belia Perak | Hotel Casuarina Meru | 4.12.2021 (Sabtu) |
| 49 | Majlis Pecah Tanah Projek Solar | Ladang Bikam, Bidor | 4.12.2021 (Sabtu) |
| 50 | Majlis Penyerahan Zakat | Istana Changkat | 6.12.2021 (Isnin) |
| 51 | Program Keluarga Malaysia @ IPT | UPSI | 8.12.2021 (Rabu) |
| 52 | Sambutan Hari Belia Negeri Perak | Hotel Casuarina Meru | 8.12.2021 (Rabu) |
| 53 | Majlis Pelancaran Buku "Buidling The Pink Road of Hope" Coffe Table Book Launch National Cancer Society Malaysia | Mandarin Oriental Hotel Kuala Lumpur | 9.12.2021 (Khamis) |
| 54 | Majlis Bacaan Yassin Sempena 100 Hari Kerajaan Negeri Perak | Laman Seri Ridzuan | 9.12.2021 (Khamis) |
| 55 | Sidang DUN Perak | SUK Perak | 10.12.2021 (Jumaat) |
| 56 | Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan MAIPk | Istana Changkat, Kuala Lumpur | 10.12.2021 (Jumaat) |
| 57 | Perlawanan Tenpin Bowling YB Dato' SUK bersama Warga Bangunan Perak Darul Ridzuan | AEON Kinta City | 10.12.2021 (Jumaat) |
| 58 | Majlis Keberangkatan DYTM Raja Muda Perak Ke Taiping | Hotel Legend Inn Taiping | 11.12.2021 (Sabtu) |
| 59 | Majlis Perasmian Pusat Penyelidikan Dato' Panglima Kinta Eusoff | Fakulti Perubatan Universiti Malaya | 13.12.2021 (Isnin) |
| 60 | Majlis Pelancaran Program Masjid Angkat Maybank Islamic dan Penyerahan Zakat Maybank | Masjid Jamek Medan Klebang Restu | 17.12.2021 (Jumaat) |
| 61 | Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan MAIPk | Istana Kinta | 17.12.2021 (Jumaat) |
| 62 | Kuliah YAB MB Perak | Laman Seri Ridzuan | 23.12.2021 (Khamis) |
| 63 | Majlis Penutup Sambutan Hari Alam Sekitar Peringkat Negeri Perak 2021 | Hotel Excelsior Ipoh | 28.12.2021 (Selasa) |
| 64 | Majlis Perasmian Pangkor SEA Challenge 2021 | Pulau Pangkor | 30.12.2021 (Khamis) |

**UNIT TASKA**

Unit TASKA menguruskan, menyelaras serta menyelia aktiviti dan program TASKA GENIUS Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, TASKA Asuhan dan memantau 10 buah TASKA GENIUS Daerah.

**UNIT TASKA GENIUS**

Program GENIUS Negara merupakan Program Asuhan dan Didikan Awal kepada Kanak-Kanak yang menawarkan pendekatan altrenatif dalam bidang asuhan dan didikan awal khusus untuk kanak-kanak di bawah umur 4 tahun. Program GENIUS Negara adalah merupakan penjenamaan semula kepada Program PERMATA Negara yang berkuatkuasa mulai April 2019.

Pada tahun 2021, seramai 30 orang kanak-kanak telah mendaftar di TASKA GENIUS Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Agihan kanak-kanak mengikut umur di TASKA GENIUS SUK Perak adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah:

| **Umur Kanak-kanak** | **Bilangan** |
|---|---|
| 2 Tahun | 10 |
| 3 Tahun | 10 |
| 4 Tahun | 10 |
| **Jumlah** | 30 |

**Jadual1 :Bilangan kanak-kanak TASKA GENIUS SUK Perak**

Setiap tahun takwim pembelajaran akan diedarkan kepada semua Taska GENIUS Daerah dan digunapakai. Aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun mengikut tema pembelajaran tahun 2021 ialah:

| **BULAN** | **TEMA PEMBELAJARAN** |
|---|---|
| Januari | Diri Saya |
| Februari | |
| Mac | Alam Bahan |
| April | Deria |
| Mei | Tumbuh - tumbuhan |
| Jun | Haiwan |
| Julai | Benda Yang Bergerak |
| Ogos | Negara Saya |
| September | Dunia Teknologi |
| Oktober | Alam Fizikal |
| November | Mari Bercuti |
| Disember | Konvokesyen |

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut:

- Mesyuarat Persatuan IbuBapa dan Pendidik (PIBP) diadakan setiap bulan.
- Majlis Bacaan Yassin
- Pemeriksaan Kesihatan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Perak
- Pemeriksaan Gigi oleh Jabatan Kesihatan Negeri Perak
- Mesyuarat Pengurusan TASKA GENIUS di Bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak

Walau bagaimanapun, Majlis Konvokesyen yang dijadualkan diadakan pada awal Disember setiap tahun tidak dapat dilaksanakan bagi tahun 2021 kerana pandemik Covid-19.

# LAPORAN TAHUNAN 2021

PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERAK





# LAPORAN TAHUNAN 2021

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

# UNIT PERANCANG EKONOMI

**AKTIVITI-AKTIVITI UNIT**

TEAM UPEN KE BUKIT KLEDANG PADA 20 NOVEMBER 2021
20 November 2021 – Sabtu







**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAGI PERTANDINGAN KECERIAAN MERDEKA SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN TAHUN 2021**

15 September 2021 – Rabu
Unit Perancang Ekonomi Negeri telah menjadi Johan dan diwakili oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri, Puan Halizah binti Sipun yang telah membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,500.

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Turut hadir, YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Puan Nor Sham binti Rahman dan Penolong Setiausaha Kerajaan Bahagian Korporat, Puan Zuriati binti Zainal.




**SEKITAR MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN RAMADAN KELAB UPEN KEPADA SEMUA KAKITANGAN**.

14 April 2021 - Rabu
Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Halizah binti Sipun, Penaung Kelab UPEN.





**PROGRAM BERBASIKAL "UPEN RIDERS"**

11 April 2021 - Ahad
Buat julung-julung kalinya Kelab UPEN menganjurkan Program Berbasikal. Bagi acara pertama ini kayuhan adalah sejauh 10km hingga 30km.
Tempat Pelepasan dan Penamat : Rumah TUSK(P)/Pengarah UPEN

Acara sampingan : Saparan dan Makan Tengahari
Program ini juga turus disertai oleh YB LA dan isteri.










**ULANG TAHUN PERKHIDMATAN KE 25 TAHUN PUAN HALIZAH BINTI SIPUN**

26 Mac 2021 - Jumaat

Sambutan kali ini beliau menjawat jawatan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) merangkap Pengarah UPEN. Tahniah Puan daripada Seluruh Warga UPEN.






**AKTIVITI-AKTIVITI BESAR BAHAGIAN**

**TAJUK / HURAIAN PROGRAM**

**MISI KELUARGA PBT@PERAK KE BENTONG, PAHANG**

27 Disember 2021 (Isnin) - Pelepasan Misi Keluarga PBT@Perak ke Bentong, Pahang telah diadakan di pekarangan Dewan Sri Tanjong, MDTM yang disempurnakan oleh Puan Haliza binti Sipun, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (Pembangunan).
Misi ini bermula 27 dan akan berakhir pada 28 Disember 2021 dengan penglibatan sebanyak 9 PBT Perak dengan sukarelawan yang terlibat seramai 117 orang. Tujuan Misi ini adalah membantu urusan pasca banjir di Daerah Bentong, Pahang daripada aspek kebersihan perbandaran dan mengikut keperluan pihak Pentadbiran Bentong.




**KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA ORANG BESAR JAJAHAN**

23 Disember 2021 - Selasa
YBrs. Puan TSUK(P)/Pengarah UPEN telah menerima kunjungan hormat daripada Orang Besar Jajahan Kampar, Tanjung Malim, Bagan Datuk dan Gerik.

Antara intipati perjumpaan tersebut adalah membincangkan perkara-perkara yang melimbatkan kerja-kerja keindahan dan pembangunan di daerah masing-masing.



**SESI PENDENGARAN AWAM PROSEDUR OPERASI STANDARD PERLOMBONGAN UNSUR NADIR BUMI BUKAN RADIOAKTIF**

19 Disember 2021 - Ahad
Sekitar Sesi Pendengaran Awam Prosedur Operasi Standard Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan RadioAktif (NR-REE) di Negeri Perak pada hari ini, 19 Disember 2021.
Seramai 106 peserta daripada kalangan penggiat industri, jurutera perunding, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan agensi-agensi kerajaan telah menyertai secara fizikal. Sesi ini juga turut disiarkan secara dalam talian melalui aplikasi Zoom Webinar dan Facebook Live yang disertai masing-masing seramai 201 dan 20 peserta.





**KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA UNIT PEMBANGUNAN USAHAWAN NEGERI KEDAH**

24 November 2021 - Rabu
Sesi Kunjung Hormat Unit Pembangunan Usahawan Negeri Kedah (UPUK) Ke Atas YBrs Puan Halizah Sipun Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) / Pengarah UPEN
UPUK dihadiri oleh Pegawai Penyelaras iaitu Encik Roslan Mohamed dan pegawai UPUK Encik Firdaus
Turut hadir bersama ialah En. Mohd Rozlan Mohd Razali, Pengarah STeP, En Kumaresan, Timbalan Pengarah UPEN

Perbincangan menjurus kepada pertukaran pengalaman antara kedua - dua negeri dalam program pembangunan usahawan dan meneroka peluang kerjasama antara kedua-dua negeri dalam sektor keusahawanan





**ROADSHOW PASCA RMKE-12 BERSAMA KERAJAAN NEGERI PERAK**

17 November 2021 - Rabu
Sesi libaturus anjuran bersama EPU Jabatan Perdana Menteri Bersama Kerajaan Negeri Perak pada 17 Nov 2021 di Hotel Hilton Kuala Lumpur susulan pembentangan RMKe-12 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia di Parlimen pada 27 September 2021.
Sesi ini disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perak bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) dengan dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak dan Delegasi EPU JPM, selain kehadiran secara dalam talian oleh Pemimpin Tempatan, Ahli Dewan Negara, dan semua Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan Negeri Perak.





**LAWATAN KERJA SEKTOR USAHAWAN KE NEGERI JOHOR**

28 Oktober 2021 - Khamis
Sesi kunjungan hormat oleh YB Dato' Zainol Fadzi bin Hj Paharuddin, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak ke atas YB Datuk Mohd Izhar bin Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia Negeri Johor.

Lawatan turut disertai oleh delegasi Kerajaan Negeri Perak, YBrs. Puan Halizah binti Sipun, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) merangkap Pengarah UPEN, Encik Mohamad Rozlan bin Mohamad Razalli, Pengarah Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP), wakil pegawai daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk), pegawai-pegawai daripada UPEN, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan STeP.

Tujuan utama lawatan adalah bagi mendapatkan gambaran berkaitan penubuhan Perbadanan Usahawan Negeri Johor (PUJB) Sdn. Bhd. serta perkongsian pengalaman / cadangan serta kepakaran antara kedua-dua Kerajaan Negeri dalam meningkatkan sektor keusahawanan.
Agenda turut diisi dengan pameran dari usahawan-usahawan mikro dan lawatan ke atas Syarikat OSB Global Resources Sdn. Bhd di kawasan Perindustrian Nusabayu Johor Bahru yang diterajui oleh pasangan suami isteri berumur 31 dan 30 tahun yang kini telah mempunyai 141 cawangan / stall burger di 4 buah negeri dalam Malaysia. Syarikat berkonsepkan perniagaan satll burger yang membekalkan bahan mentah resepi sendiri kepada rakan niaga. Jualan syarikat telah mencapai RM4 juta dan jualan tertinggi rakan niaga pernah dicatatkan bernilai RM30 ribu sebulan.





**PELANCARAN ROADMAP PELAN PEMBANGUNAN PERAK SEJAHTERA 2030**

12 April 2021 – Isnin




**MAJLIS PERASMIAN DAN GOTONG ROYONG DENAI SUNGAI KEBANGSAAN SEMPENA HARI AIR SEDUNIA TAHUN 2021**

Tarikh : 27 Mac 2021

Tempat : Sekitar Dataran Sungai Kinta

 

**BENGKEL MEMBANGUNKAN KERANGKA PEMBANGUNAN NEGERI PERAK 2030**

4 Mac 2021 - Khamis
YAB Menteri Besar Perak bersama barisan EXCO dan Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah sama-sama menyertai sesi bengkel ini.
Hotel Casuarina@Meru,Ipoh



**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA PERKAMPUNGAN NELAYAN KG. TELUK KECIL, PULAU PANGKOR OLEH JD MANJUNG KEPADA TSUK (PEMBANGUNAN) / PENGARAH UPEN.**

5 Mac 2021 - Jumaat
Semasa di sana Puan Pengarah juga telah membuat lawatan ke tapak projek Klinik Kesihatan jenis 4 (KK4) Pulau Pangkor, tapak Projek Perkampungan Nelayan Sungai Pinang Besar Fasa 2 dan Fasa 3.



**PROGRAM LAWATAN KERJA YB PENGERUSI JK PERLADANGAN, PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN KE JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) NEGERI PERAK**

19 Januari 2021 - Selasa
Disertai oleh Pegawai dari Pejabat YB EXCO, Pegawai UPEN dan pihak JPV
Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Perak



# LAPORAN TAHUNAN 2021

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK



# LAPORAN TAHUNAN 2021

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK



# BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

**UNIT PEMBANGUNAN MODAL INSAN NEGERI PERAK**

## Aktiviti:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Program Pembangunan Modal Insan Negeri Perak Bil.1 Tahun 2021

**Tarikh:** 7 Januari 2021 (Khamis)
**Tempat:** Bilik Mesyuarat YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

**Keterangan:**
Pelaksanaan Mesyuarat Bersama Jawatankuasa Akaun Amanah yang dipengerusikan oleh YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

## Aktiviti:

2. Program Bicara Motivasi dan Inspirasi: Penjawat Awam dan Norma Baharu "New Norm, New You"

**Penceramah:**
Tuan Hafiz Mustapha
Perunding Imej Profesional/ Pengasas Cutecarry Sdn. Bhd.

**Tarikh:** 16 Februari 2021 (Selasa)

**Medium:** Secara Langsung di Facebook Rasmi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Jumlah peserta yang mengikuti program: **832**
Jumlah komen di *Facebook:* **4,500**
Jumlah *share:* **674**





## Aktiviti:

**3.** Program Bicara Motivasi dan Inspirasi: Saya Semangat Bekerja!



**Penceramah:**
Tuan Mohd Elyas bin Ismail
Pendakwah/ Pengarah dan Jurulatih Utama High Step Consultant

**Tarikh:** 30 Mac 2021 (Selasa)

Jumlah peserta yang mengikuti program: **606**
Jumlah komen di *Facebook:* **1,300**
Jumlah *share:* **197**

## Aktiviti:

**4.** Program Bicara Motivasi dan Inspirasi: "Pengorbanan di Tengah Pandemik Covid-19" (Sempena Hari Raya Aidiladha 1442 hijrah)

**Penceramah:**

i. YBhg Dato' Ustazah Siti Nor Bahyah binti Mahamood
ii. YBrs Ustaz Wan Akashah bin Wan Abdul Hamid
Pendakwah/ Pakar Motivasi/ Pengarah Urusan SNB Kasih Training and Consultancy

**Tarikh:** 23 Julai 2021 (Jumaat)

**Medium:**
Secara Langsung di Facebook Rasmi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Jumlah peserta yang mengikuti program: **1,767**
Jumlah komen di *Facebook:* **1,600**
Jumlah *share:* **417**



## Aktiviti:

5. Program Bicara Integriti: Bukan Tanah Menjadi Padi (Bukan Tempatnya Untuk Berbuat Baik)

**Penceramah:**
Tuan Firdaus Wong Wai Hung
Pengasas dan Presiden *Multiracial Reverted Muslim (MRM)*/ Pendakwah/ Aktivis SosiaL

**Tarikh:**
8 September 2021 (Rabu)

**Medium:**
Secara Langsung di Facebook Rasmi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pera
Jumlah peserta yang mengikuti program: **1,155**
Jumlah komen di *Facebook*: **886**
Jumlah *share* **187**



## Aktiviti:

6. Program Bicara Integriti: Bila Hadiah Menjadi Rasuah

**Penceramah:**
YBhg Dato' Abdul Samat bin Kasah
Mantan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

**Tarikh:**
13 Oktober 2021 (Rabu)

**Medium:**
Secara Langsung di Facebook Rasmi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Jumlah peserta yang mengikuti program: **857**
Jumlah komen di *Facebook:* **697**
Jumlah *share:* **125**



## Aktiviti:

**7.** Program Bual Bicara: Persediaan Menuju Endemik (Sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia)

**Penceramah:**

i. Encik Hairol Kamal bin Abdul Rahman, Ketua Unit Psikologi, Hospital Rehablitasi Cheras
Ustaz Muhammad bin Abdullah Al-Amin, Pengasas Program Psikologi Islam Forensik Insan/ Penceramah Bebas

**Tarikh:**
28 Oktober 2021 (Khamis)

**Medium:**
Secara Langsung di Facebook Rasmi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Jumlah peserta yang mengikuti program: **434**
Jumlah komen di *Facebook:* **387**
Jumlah *share:* **94**

## LAPORAN UNIT PENGURUSAN PRESTASI DAN KAUNSELING TAHUN 2021

1. **Urusan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Negeri Perak Bagi Tahun 2021**

   a) **Kumpulan Pengurusan dan Profesional**

      i. Pemangkuan

| BIL. | JAWATAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | Pegawai Syariah Gred LS41 ke Gred LS44 | 3 |
| 2. | Pegawai Syariah Gred LS48 ke Gred LS52 | 2 |
| 3. | Pegawai Syariah Gred LS44 ke Gred LS48 | 4 |
| 4. | Pegawai Syariah Gred LS52 ke Gred LS54 | 1 |
| 5. | Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 ke Gred S44 | 2 |
| 6. | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG48 ke Gred DG52 | 1 |
| | **JUMLAH** | **13** |

      ii. Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based*

| BIL. | JAWATAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG44 ke DG48 | 5 |
| 2. | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 ke DG44 | 1 |
| | **JUMLAH** | **6** |

   b) **Kumpulan Pelaksana**

      i. Pemangkuan

| BIL. | JAWATAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Penolong Pegawai Tanah Gred NT36 ke NT40 | 1 |
| 2. | Penolong Jurutera Gred JA29 ke Gred JA36 | 2 |
| 3. | Penolong Pegawai Tanah Gred NT29 ke Gred NT32 | 2 |
| 4. | Penghulu Gred NP29 ke NP32 | 3 |
| 5. | Pembantu Tadbir (PO) Gred N22 ke Gred N26 | 6 |
| 6. | Pembantu Tadbir Gred N19 ke Gred N22 | 14 |
| 7. | Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 ke Gred W22 | 2 |
| 8. | Pemandu Kenderaan Gred H14 ke Gred H16 | 1 |
| 9. | Pembantu Operasi Gred N11 ke Gred N14 | 3 |
| 10. | Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 ke Gred G32 | 3 |
| 11. | Pembantu Syariah Gred LS22 ke LS26 | 1 |

| BIL. | JAWATAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 12. | Pegawas Hutan Gred G19 ke Gred G22 | 21 |
| 13. | Pembantu Kemahiran Gred H19 Ke Gred H22 | 4 |
| 14. | Pemandu Kenderaan Gred H11 ke Gred H14 | 2 |
| 15. | Pembantu Awam Gred H11 ke Gred H14 | 1 |
| 16. | Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S32 ke Gred S38 | 2 |
| 17. | Penghulu Gred NP36 ke Gred NP40 | 1 |
| 18. | Penolong Pegawai Syariah Gred LS32 ke Gred LS38 | 1 |
| 19. | Penghulu Gred NP32 ke Gred NP36 | 1 |
| 20. | Penolong Pegawai Syriah Gred LS29 ke Gred LS32 | 2 |
| 21. | Penolong Pegawai Veterinar Gred G29 ke G32 | 1 |
| | **JUMLAH** | **74** |

ii. Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based*

| BIL. | JAWATAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Penolong Pegawai Syariah Gred LS32 Ke Gred LS38 | 1 |
| 2. | Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred JA29 ke Gred JA36 | 1 |
| 3. | Penolong Pegawai Pertanian Gred G29 ke Gred G32 | 4 |
| 4. | Pelukis Pelan Senibina Gred JA19 ke Gred Gred JA22 | 1 |
| 5. | Juruteknik Komputer Gred FT19 ke Gred FT22 | 8 |
| 6. | Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19 ke Gred S22 | 5 |
| 7. | Pekerja Awam Gred R1 Ke Gred R4 | 2 |
| 8. | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG34 ke DG38 | 2 |
| 9. | Penolong Jurutera Gred JA29 ke Gred JA36 | 5 |
| 10. | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG32 ke Gred DG34 | 4 |
| 11. | Pembantu Kemahiran Gred H22 ke Gred H26 | 4 |
| 12. | Pembantu Tadbir (PO) Gred N19 ke Gred N22 | 62 |
| 13. | Pembantu Tadbir Kewangan Gred W19 ke Gred W22 | 7 |
| 14. | Pembantu Perikanan Gred G19 ke Gred G22 | 2 |
| 15. | Pembantu Syariah Gred LS19 ke Gred LS22 | 6 |
| 16. | Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA19 ke Gred JA22 | 4 |
| 17. | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG29 ke DG32 | 2 |
| 18. | Penghantar Notis Gred N11 ke Gred N14 | 1 |
| | **JUMLAH** | **121** |

**2. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bagi Tahun 2020**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah bersetuju menganugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada 61 penerima.

**Pecahan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Bagi Tahun 2020**

| BIL. | BAHAGIAN | BILANGAN PENERIMA |
|---|---|---|
| 1. | Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan | 8 |
| 2. | Bahagian Khidmat Pengurusan | 20 |
| 3. | Bahagian DUN dan MMK | 5 |
| 4. | Bahagian Kerajaan Tempatan | 3 |
| 5. | Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak | 1 |
| 6. | Unit Perancang Ekonomi Negeri | 3 |
| 7. | Majlis Sukan Negeri | 2 |
| 8. | Bahagian Pengurusan Maklumat | 4 |
| 9. | Bahagian Audit Dalam | 1 |
| 10. | Bahagian Korporat | 3 |
| 11. | Pejabat Menteri Besar | 2 |
| 12. | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 6 |
| 13. | Unit Integriti | 1 |
| 14. | Lembaga Muzium Negeri Perak | 2 |
| JUMLAH | | **61** |

* Pemberian APC diberi kepada sejumlah 8 peratus daripada pegawai yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012)

**3. Keurusetiaan Mesyuarat**

| BIL | MESYUARAT | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Perak Bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional | 3 |
| 2. | Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Perak Bagi Kumpulan Pelaksana | 4 |
| 3. | Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak | 2 |
| 4. | Mesyuarat Penyelarasan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators* – KPI) YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) | 8 |

# LAPORAN TAHUNAN 2021

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK





# LAPORAN TAHUNAN 2021

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

# BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

**Tajuk Program/Aktiviti :**

**MAJLIS LAMBAIAN KASIH SEMPENA PERTUKARAN PEGAWAI PADA 19 MAC 2021**

**Laporan Program/Aktiviti :**

Majlis Lambaian Kasih sempena pertukaran keluar pegawai telah dilaksanakan pada 19 Mac 2021 di Hotel M Roof, Ipoh. Majlis berkenaan meraikan dua orang pegawai iaitu Puan Fatimah binti Ghazali, mantan Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) atas kenaikan pangkat beliau sebagai Ketua Kluster, Kluster Inovasi Teknologi Pengurusan (i-IMATEC) INTAN Bukit Kiara dan juga Encik Mohd Idrus bin Awang Kechil yang bertukar ke Jabatan Pendidikan Negeri Perak. Majlis ini juga turut dihadiri oleh beberapa orang pegawai yang telah bersara atau pernah berkhidmat di BPM.






Tajuk Program/Aktiviti :

**AUDIT PEMANTAUAN 2 (SURVEILLANCE AUDIT 2) ISO/IEC 27001:2013 INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. PADA 8 DAN 9 NOVEMBER 2021**

**Laporan Program/Aktiviti :**

Audit Pemantauan 2 ISMS oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah berlangsung selama dua (2) hari iaitu pada 8 dan 9 November 2021. Audit ini dilaksanakan oleh dua (2) orang Juruaudit SIRIM iaitu Cik Efizan binti Zamri sebagai Ketua Pasukan Audit dan Encik Azran bin Mohammad Ridzuan.

Mesyuarat Pembukaan telah diadakan pada 8 November 2021 yang dipengerusikan oleh Tuan Haji Mohamad Fadzli bin Haji Tarmiji, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Maklumat dan Mesyuarat Penutup pada 9 November 2021 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Nor Sham binti Rahman, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan).

Skop persijilan adalah Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi Pelaksanaan Pengurusan Persidangan Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan merangkumi Sistem e-Dewan yang melibatkan sembilan (9) bahagian iaitu Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) sebagai urus setia, Bahagian Dewan Negeri & MMK (BDN&MMK), UPEN, Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Bahagian Korporat (BK), Lembaga Muzium Negeri Perak (LMNP) dan Majlis Sukan Negeri Perak (MSN).

Pada hari pertama, juruaudit telah menjalankan sesi audit melalui kaedah soal jawab serta pemeriksaan pembuktian dengan auditee bahagian-bahagian terlibat. Pada hari kedua, juruaudit telah membuat lawatan ke LMNP dan MSN di Ipoh serta Galeri Sultan Azlan Shah di Kuala Kangsar. Pelaksanaan Audit Pemantauan 2 ISMS telah menjalankan audit terhadap 114 kawalan-kawalan di dalam Annex A dan tiada insiden direkodkan bagi tahun 2021.

Berdasarkan penemuan Audit Pemantauan 2 ISMS, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

telah menerima empat (4) Peluang Penambaikan (OFI). Tahap kefahaman auditee ke atas ISMS adalah sangat baik berbanding audit sebelumnya.






Tajuk Program/Aktiviti :

**SPEEDMINER BUSINESS INTELLIGENCE TECHNICAL AND ADMINISTRATIVE TRAINING PADA 22 HINGGA 24 NOVEMBER 2021**

**Laporan Program/Aktiviti :**

*Speedminer Business Intelligence Technical And Administrative Training* telah dijalankan pada 22 hingga 24 November 2021 bertempat di Hotel Kinta Riverfront, Ipoh dan dihadiri oleh sejumlah 9 orang peserta dari pelbagai agensi. Objektif aktiviti ini dijalankan adalah untuk memberi latihan teknikal penggunaan perisian *Speedminer tools* bagi melaksanakan analitik data dan penyediaan laporan. Aktiviti ini juga memberikan pendedahan kepada peserta berkenaan penggunaan *Business Intelligence tools* untuk menghasilkan *dashboard* dengan pelbagai bentuk visualisasi data.

Tajuk Program/Aktiviti :

**PORTAL PERAK SEJAHTERA TRAINING**
**25 NOVEMBER 2021**

**Laporan Program/Aktiviti :**

Portal Perak Sejahtera *Training* dilaksanakan pada 25 November 2021 bertempat di Hotel Kinta Riverfront, Ipoh. Aktiviti ini dihadiri oleh 25 orang peserta dari pelbagai agensi penyumbang data penerima bantuan kemiskinan. Peserta diberi latihan dan bimbingan cara penggunaan Portal Perak Sejahtera.

Tajuk Program/Aktiviti :

**LAWATAN KERJA KE BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT, PEJABAT SUK SELANGOR PADA 2 DISEMBER 2021**

**Laporan Program/Aktiviti :**

Lawatan Kerja Ke Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Pejabat SUK Negeri Selangor diketuai oleh Ketua Penolong Setiausaha (KPSU) BPM, Encik Zolkefli bin Mohd Idris bersama-sama 8 orang pegawai BPM telah diadakan pada 2 Disember 2021. Tujuan lawatan adalah untuk mengetahui maklumat berkenaan operasi, rangkaian, pengurusan server dan sistem yang digunakan di Pusat Data PSUK Selangor.

